



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN MODAL INSAN BERDASARKAN CERPEN PILIHAN
DALAM ANTOLOGI
*PENDOA YANG IKHLAS.***

MAHATHIR BIN RADZI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAAN MELAYU)**

**JABATAN KESUSASTERAAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN MODAL INSAN BERDASARKAN CERPEN
PILIHAN DALAM ANTOLOGI
*PENDOA YANG IKHLAS.***

OLEH:

MAHATHIR BIN RADZI

**DISERTASI INI TELAH DITERIMA OLEH JABATAN
KESUSASTERAAN MELAYU BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)
SESI 2008/2009**

Penyelia

(Profesor Dr. Muhammad Bukhari Lubis Bin Ahmad)

Tarikh

Ketua Jabatan

Kesusasteraan Melayu

(Dato' Dr. Mohd Rosli Saludin)

Tarikh

**ISI KANDUNGAN****HALAMAN**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii

KANDUNGAN**BAB 1 : PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	13
1.1.1	Cerpen Sebelum Perang Dunia Kedua	14
1.1.2	Cerpen Pada Zaman Jepun	15
1.1.3	Cerpen Selepas Perang Dunia Kedua di Malaysia	17
1.1.4	Unsur-unsur Dalam Sebuah Cerpen	22
1.2	Latar Belakang Kajian	24
1.2.1	Modal Insan	28
1.2.2	Azizi Haji Abdullah	30
1.3	Pernyataan Masalah	32
1.4	Tujuan Kajian	33
1.4.1	Adakah aspek pembentukan peribadi insan iaitu nilai akhlak dan moral, nilai budaya dan sosial serta nilai kemanusiaan dan kepimpinan terdapat pada watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?	33
1.4.2	Adakah terdapat hubungan antara komponen pembentukan peribadi insan iaitu nilai akhlak dan moral dengan watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?	33



1.4.3	Adakah terdapat hubungan antara komponen pembentukan peribadi insan iaitu nilai budaya dan sosial dengan watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?	33
1.4.3	Adakah terdapat hubungan antara komponen pembentukan peribadi insan iaitu nilai kemanusiaan dan kepimpinan dengan watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?	33
1.5	Kepentingan Kajian	33
1.6	Objektif	34
1.7	Batasan Kajian	34
1.7.1	Teks Cerpen	35
1.7.2	Pendidikan	37
1.7.3	Nilai Akhlak dan Moral	38
1.7.4	Nilai Budaya dan Sosial	38
1.7.5	Nilai Kemanusiaan dan Kepimpinan	39
1.8	Kesimpulan	40

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR		41
2.1	Pengenalan	41
2.2	Perbincangan Terhadap Kajian Lepas	43
2.2.1	Perbincangan Umum	46
2.2.2	Perbincangan Kajian Ilmiah	48
2.3	Teori Nilai	51
2.4	Kesimpulan	52

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN		54
3.1	Pengenalan	54
3.2	Pendekatan Kajian	55
3.3	Reka Bentuk Kajian	56
	3.3.1 Perpustakaan	56
3.4	Fokus Kajian	56

3.5 Kesimpulan 58

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN 60

4.1 Pengenalan 60

4.2 Landasan Soalan 61

4.3 Sinopsis Cerpen-cerpen Pilihan 61

4.3.1 Bapa 61

4.3.2 Kipas Angin 63

4.3.3 Paku Payung dan Limau Mandarin 65

4.3.4 Mohd Dhuha 67

4.3.5 Sakinah 70

4.3.6 Wi 73

4.3.7 Sengat Sembilang 75

4.4 Peranan Modal Insan dalam Cerpen-cerpen Pilihan 78

4.4.1 Peranan Modal Insan Sebagai Bapa 80

4.4.2 Peranan Modal Insan Dalam Pendidikan 83

4.4.3 Peranan Modal Insan Sebagai Anak 86

4.4.4 Peranan Modal Insan Sebagai Murid 89

4.4.5 Peranan Modal Insan Sebagai Guru 93

4.5 Nilai 97

4.5.1 Nilai Akhlak dan Moral Pada Watak-watak dalam Cerpen-cerpen Pilihan Azizi Haji Abdullah 99

4.5.2 Nilai Budaya dan Sosial Pada Watak-watak dalam Cerpen-cerpen Pilihan Azizi Haji Abdullah 108

4.5.3 Nilai Kemanusiaan dan Kepimpinan Pada Watak-watak dalam Cerpen-cerpen Pilihan Azizi Haji Abdullah 123

4.6 Kesimpulan 137

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN 139

5.1 Pengenalan 139

5.2 Rumusan 140

5.2.1 Pendidikan Akhlak dan Moral dalam Cerpen-cerpen Pilihan Azizi Haji Abdullah 143

5.2.2 Pendidikan Budaya dan Sosial dalam Cerpen-cerpen Pilihan Azizi Haji Abdullah 145

5.2.3 Pendidikan Kemanusiaan dan Kepimpinan dalam Cerpen-cerpen Pilihan Azizi Haji Abdullah	148
5.3 Implikasi Dapatan Kajian	149
5.3.1 Pelajar	150
5.3.2 Ibu Bapa	151
5.3.3 Guru-Guru	153
5.4 Saranan dan Cadangan	155
5.5 Kesimpulan	158
RUJUKAN	159



PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

10.09.2009

MAHATHIR BIN RADZI

M20072000585



PENGHARGAAN

Bismillah hirrohmaanir Rohiim

“ Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang ”

Segala puji-pujian hanya untuk-Nya, Tuhan Yang Agung. Pemerintah segala alam. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, dapat juga saya menyiapkan penyelidikan ini tepat pada masanya.

Terdahulu, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Profesor Dr. Muhammad Bukhari Lubis Bin Ahmad kerana banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Segala pandangan, bimbingan, sumbangan idea dan bahan serta nasihat beliau tidak akan saya lupakan. Sesungguhnya hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala jasanya.

Tidak dilupakan juga setinggi penghargaan kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Bahasa khususnya dari Jabatan Sastera dan Pusat Pengajian Siswazah yang banyak memberikan ilmu serta didikan dalam usaha saya menyiapkan disertasi ini. Begitu juga dengan kakitangan Fakulti Bahasa yang tidak jemu-jemu melayan karenah pengkaji sepanjang bergelar mahasiswa. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas jasa mereka.



Buat isteri tercinta, Siti Zaniroh Binti Ahmad, pengorbanannya amat disanjung. Tanpa semangat serta dorongan darinya, tidak mungkin pengkaji dapat menyiapkan penyelidikan ini. Terima kasih banyak-banyak kerana memahami tugas pengkaji sebagai pelajar. Tidak dilupakan juga ibu bapa tersayang, Radzi Bin Mat dan Fauziah Binti Hashim yang sentiasa mendoakan kejayaan pengkaji.

Kepada rakan seperjuangan, En. Rosli Bin Abdul Manas dan En. Amer Hmzah Bin L Kadir, jasa mereka tidak akan pengkaji lupakan. Kalian banyak memberi kekuatan kepada pengkaji untuk meneruskan perjuangan ini. Tanpa kalian, tidak mungkin pengkaji dapat menyelesaikan kajian ini. Terima kasih banyak-banyak.

Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada pihak sekolah yang turut memahami tugas pengkaji sebagai pelajar separuh masa. Buat rakan sejawat terutamanya En Abdul Aziz Bin Arshad, En Sabri Bin Abdul Ghani, dan En Mohd Faizal Bin Mohd Fauzi, terima kasih kerana turut sama memberi sumbangan sama ada dari segi pandangan atau kritikan membina tanpa rasa jemu untuk pengkaji menyiapkan kajian ini. Tanpa kata-kata rangsangan dari mereka, agak sukar bagi pengkaji menyiapkan kajian tepat pada masanya.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

v

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam usaha pengkaji menyiapkan kajian ini. Semoga berbahagia di dunia dan akhirat.

MAHATHIR BIN RADZI

1618, LORONG SELASIH 3/3,

TAMAN SELASIH,

09000 KULIM,

KEDAH DARULAMAN.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ABSTRAK

Hari ini masalah kejahatan sosial dalam kalangan remaja semakin meruncing dan membimbangkan banyak pihak. Remaja yang dikatakan bakal menerajui negara pada masa depan berdepan dengan masalah keruntuhan akhlak yang serius. Pihak kerajaan memperkenalkan modal insan sebagai jalan keluar kepada masalah sosial. Maka, kajian ini dilakukan untuk melihat sumbangan cerpen dalam pembentukan modal insan yang gemilang. Kajian ini memfokuskan tiga aspek penting dalam pembentukan modal insan iaitu nilai akhlak dan moral, nilai budaya dan sosial, dan nilai kemanusiaan dan kepimpinan. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan menjadikan antologi cerpen bertajuk *Pendoa Yang Ikhlas* karya Azizi Haji Abdullah sebagai bahan kajian. Kajian ini ingin melihat sama ada terdapat ketiga-tiga nilai yang ingin dikaji pengkaji dalam antologi cerpen *Pendoa Yang Ikhlas* ini untuk membentuk modal insan yang gemilang dalam kalangan masyarakat.

ABSTRACT

The serious social problems among teenagers are worrying many. The teenagers of today are the leaders of tomorrow will face serious problems of immorality among society. The government has identify human capital development as a way to reduce the social ill. This research, therefore will seek if the selected short story contributes towards the development of human capital. This research will focus on three important aspect namely, the moral values, the cultural and social values and the humanity and leadership values. This research uses the library method, using the selected short story anthology entitle *Pendoa Yang Ikhlas* by Azizi Haji Abdullah. Therefore, this research will seek to find out if the three values mentioned that contributes towards the molding of an excellence human capital develeopment in our society are found in the selected short story.



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Perdana Menteri Malaysia Kelima, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi ketika memperkenalkan pembangunan modal insan sebagai teras utama pembangunan negara dalam mencapai impian Wawasan 2020, menegaskan bahawa pembangunan modal insan perlu diberi perhatian sepenuhnya oleh semua pihak. Tumpuan pembangunan ini terbahagi kepada tiga strategi utama untuk melahirkan modal insan kelas pertama iaitu meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu, mengukuhkan keupayaan sains, penyelidikan, dan pembangunan (R&D) serta inovasi, memupuk masyarakat berbudaya dan



memiliki kekuatan moral merupakan langkah bijak yang harus disemai dalam diri setiap rakyat Malaysia.

Kerajaan amat komited untuk membangun negara dan masyarakat dalam menuju sebuah negara maju mengikut acuannya tersendiri melalui pembangunan modal insan. Modal insan pula perlu dibangunkan secukupnya kerana akan menjadi alat utama dalam pembangunan dan kemajuan dan merupakan elemen kritikal dalam mencapai Misi Nasional dan merealisasikan Wawasan 2020. Pembangunan modal insan secara holistik yang dilaksanakan oleh kerajaan merangkumi pemerolehan pengetahuan termasuk keupayaan keusahawanan dan pengetahuan sains dan teknologi serta memiliki sikap positif dan progresif melalui pendidikan, latihan, dan pembelajaran sepanjang hayat.

Pembangunan modal insan menjadi agenda utama dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Kepentingan pembangunan modal insan kerana agenda ini berkaitan dengan peningkatan tahap pendidikan, kemahiran, akhlak, keyakinan, dan sebagainya. Tujuan pembangunan modal insan adalah juga untuk menghasilkan rakyat yang mempunyai pemikiran minda pertama.

Dalam membicarakan mengenai pembangunan modal insan, pembangunan modal insan yang telah digariskan oleh negara bukan bermatlamat untuk melahirkan individu yang menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran

semata-mata. Sebaliknya modal insan yang hendak dilahirkan oleh negara adalah seimbang dari segi aspek rohani, fizikal, dan intelektual. Hal ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima ketika berucap merasmikan ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-48. Beliau berkata:

"Untuk membangunkan modal insan, kita mahu memberi ilmu pengetahuan yang secukupnya, kita mahu mendidik mereka menjadi bangsa yang berpekerti mulia, yang mempunyai hemah yang tinggi, yang berjiwa besar, cintakan negara dan mereka juga mempunyai kekuatan jasmani dan kekuatan rohani."

(BERNAMA, 31 Ogos 2005)

Keperluan kepada usaha pembangunan insan lebih jelas terutamanya sejak akhir-akhir ini berlaku pelbagai masalah kerohanian dan keruntuhan akhlak sehingga sampai pada satu tahap yang membimbangkan semua pihak. Pelbagai jenis jenayah, masalah sosial, dan bermacam-macam perilaku negatif terpaksa dihadapi oleh masyarakat Malaysia sekarang. Keadaan seperti ini tidak boleh dibiarkan terus berlaku kerana akan menghalang usaha menuju ke arah negara maju sebagaimana yang dihasratkan. Usaha yang jelas dan menyeluruh perlu dimulakan dari akar umbinya untuk digerakkan oleh semua pihak bagi memastikan tahap pembangunan insan rakyat negara ini berjalan seperti yang diinginkan.

Modal insan bolehlah diertikan sebagai sumber manusia yang dimiliki oleh negara bagi keperluan pengisian peluang-peluang ke arah pembangunan negara. Modal insan merupakan aset yang paling berharga bagi sesebuah negara, yang boleh disuntik nilai tambah, ditingkatkan nilai intelek, dan diperkayakan nilai budayanya. Modal insan yang ingin dibangunkan di sini terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan generasi muda Malaysia yang diharap dapat memajukan lagi negara Malaysia di mata dunia pada masa hadapan.

Tujuan pengenalan dan pelaksanaan modal insan tidak lain untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, kepakaran, dan kebijaksanaan dalam kalangan pelajar bagi menjana kemajuan negara serta pembangunan yang pesat.

Dengan erti kata lain, pembangunan modal insan turut bertujuan memastikan remaja-remaja atau lebih tepat disebut anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan yang jitu serta kepakaran yang tinggi dalam usaha menyediakan sumber tenaga dalam pelbagai bidang pekerjaan. Pembangunan modal insan merupakan satu agenda kerajaan yang dirangka khusus bagi meningkatkan kedudukan dan mengukuhkan daya saing negara Malaysia berbanding negara-negara maju yang lain (Abd. Rahman Ahmad , 2006 : 2).

Persoalannya, benarkah usaha untuk membangunkan modal insan yang mempunyai keperibadian yang unggul dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh? Jika benar usaha ini telah dilakukan, mengapa isu keruntuhan moral dan akhlak semakin berleluasa sehingga menjadi suatu ancaman kepada pembentukan

bangsa yang unggul yang ingin dilahirkan oleh sistem pendidikan negara? Terdapat pelbagai faktor penyebab atau pendorong yang telah dikenal pasti. Jelasnya, golongan yang menjadi tumpuan perbincangan ialah golongan pelajar dan remaja manakala isu yang sering diberi liputan ialah masalah keruntuhan moral pelajar dan remaja.

Jika difikirkan, kenapa keruntuhan moral berlaku? Adakah kerana golongan pelajar dan remaja sudah terlalu lama bergelumang dengan nilai etika yang murni sehinggakan mereka bosan atau mungkin mereka telah menjadi mangsa kepada kesilapan Dasar Pendidikan Negara? Atau mungkinkah pengaruh luar begitu kuat dan berkesan sehingga mampu mengubah sikap dan pendirian pelajar dan remaja kita? Jika kita tinjau hasrat Falsafah Pendidikan Negara, kita akan dapati Falsafah Pendidikan Negara merupakan acuan atau dasar yang ampuh dan kukuh kepada sistem pendidikan di Malaysia sehingga hari ini dalam usaha mendidik para pelajar dan remaja. Di bawah ini, petikan tentang Falsafah Pendidikan Negara.

Pendidikan satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

(Norasmah Hj. Osman, 1997 : 253)

Sememangnya dasar pendidikan kita tiada cacat celanya. Jadi, apakah tindakan yang telah kita ambil menjadi alat untuk membendung merebaknya

masalah ini kepada tahap yang lebih parah lagi? Masalah ketidakseimbangan antara pembangunan kebendaan dengan kerohanian, kepesatan perkembangan teknologi dengan pembangunan nilai moral, dan akhlak akan mengakibatkan sesuatu kesan negatif yang cukup besar dalam proses pembentukan insan yang seimbang dan harmoni serta unggul sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

Unsur intelek merupakan satu unsur utama dalam sesebuah karya sastera yang menjadikan karya sastera bukan hanya sebagai bahan hiburan semata-mata, malah sebagai bahan untuk pembaca mendapatkan ilmu pengetahuan. Fikiran dan pemikiran yang ditimbulkan dalam karya sastera misalnya, adalah mengenai soal-soal moral, masyarakat, ekonomi, politik, dan lain-lain menjadi bahan teladan kepada pembaca. Maka, pembaca didedahkan kepada usaha-usaha untuk mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu, berfikiran kritis dan kreatif dalam mengembangkan daya pemikiran. Mereka juga dilatih untuk mampu menghurai, mencerakin, menaakul, merumus, dan menghasilkan idea-idea yang bernas serta berupaya pula memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain, dan alam sekitar.

Penghayatan teks-teks kesusasteraan seperti novel, cerpen, dan puisi mendorong pembaca terus berfikir bagi mencari jawapan terhadap setiap permasalahan, dapat memupuk dan melahirkan pelajar yang berfikiran kritis, kreatif dan mampu mengembangkan daya pemikiran. Hal ini selaras dengan



matlamat FPN yang berhasrat mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis, termasuk dalam aspek intelek.

Karya-karya kesusasteraan Melayu juga memberi penekanan kepada ciri-ciri rohani yang akan melahirkan insan yang menyedari dan menginsafi adanya Tuhan, menyedari dan mensyukuri pemberian Tuhan, menyedari serta prihatin tentang tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin diri, membentuk akhlak mulia dan memiliki jiwa yang tenteram dan tenang. Hal ini penting bagi memastikan bahawa insan yang dilahirkan bukan hanya berjaya dari segi pencapaian akademik atau material, tetapi disertai dengan kualiti kerohanian.

Penerapan nilai-nilai ini dilakukan melalui teks-teks kesusasteraan yang bersifat kerohanian seperti novel *Imam* oleh Sasterawan Negara Abdullah Husein atau puisi-puisi kerohanian oleh penyair Amir Hamzah (r.h) dan Kemala. Melalui penampilan watak dan perwatakan contoh yang mementingkan sahsiah diri dan sifat-sifat kerohanian, karya-karya seperti ini mengajak pembaca untuk sentiasa mementingkan soal tanggungjawab dan disiplin diri dalam apa-apa juga keadaan, di samping sentiasa mengamalkan akhlak mulia. Pendidikan yang menerapkan nilai-nilai sebegini jelas berupaya melahirkan dan membangunkan modal insan yang baik untuk negara.

Salah satu unsur yang melandasi penciptaan karya kesusasteraan ialah unsur emosi yang membezakan karya sastera daripada karya bukan sastera. Emosi



yang dimanifestasikan melalui watak dan perwatakan dalam sesebuah karya sastra, dapat dimanfaatkan ke arah memiliki tingkah laku yang terkawal dan berperasaan tenang, memiliki, dan memupuk perasaan kasih sayang, memiliki semangat kekitaan dan perpaduan serta menghargai dan menilai keindahan. Dengan menghayati dan menerapkan nilai-nilai tersebut dalam kalangan pelajar, akan dapat dipupuk semangat kasih sayang dan rasa kekitaan sesama manusia, seterusnya dapat melahirkan masyarakat penyayang yang disasarkan oleh pihak kerajaan.

Eleman-eleman mulia seperti ini bukan sahaja digalakkan dalam amalan semua agama, malah perlu ditekankan dalam konteks perhubungan sosial, khususnya bagi melahirkan kelompok masyarakat Malaysia (pelbagai bangsa dan agama) yang diikat oleh rasa kekitaan dan perpaduan. Aspek ini juga merupakan sebahagian daripada ciri modal insan yang ingin dibangunkan dalam negara sistem pendidikan negara yang dimanifestasikan melalui FPN.

Penekanan terhadap keseimbangan dari segi jasmani atau fizikal juga penting. Hal ini dapat dikaitkan dengan domain psikomotor yang menekankan aspek bakat dan kemahiran teknikal, manipulatif dan sosial, memanfaatkan kemahiran dan kecergasan fizikal untuk berdikari serta menggunakan kemahiran dan kecerdasan fizikal bagi kepentingan masyarakat. Dalam kurikulum kesusasteraan, aspek ini dapat direalisasikan melalui pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan, seperti melalui teknik simulasi, lakonan semula,

deklamasi puisi, dan seumpamanya yang mendorong pelajar mengasah dan memupuk bakat serta kemahiran berkomunikasi dan berkerjasama dengan rakan-rakan, di samping mendorong kepada penampilan diri secara fizikal.

Kewujudan ciri-ciri keseimbangan tersebut dalam karya-karya kesusasteraan Melayu, menunjukkan bahawa sistem pendidikan dapat melahirkan, memupuk, dan menjana pembangunan modal insan dalam negara sekaligus dapat memenuhi matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang seimbang dan harmonis dalam empat komponen yang disasarkan oleh sistem pendidikan negara. Pada masa yang sama, dapat melahirkan rakyat Malaysia yang berkualiti, iaitu yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Masyarakat berilmu pengetahuan yang dihasratkan oleh sistem pendidikan adalah masyarakat yang mencintai ilmu pengetahuan, sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuan, memanfaatkan ilmu untuk kebajikan diri, orang lain dan kebaikan alam sekitar serta mempunyai fikiran yang luas dan terbuka. Ciri-ciri intelektual menjadi satu teras dalam penulisan kesusasteraan, sehingga karya kesusasteraan itu sendiri dilihat sebagai lambang tamadun sesuatu bangsa. Melalui teks *Sejarah Melayu* misalnya, mendedahkan pembaca kepada tradisi keintelektualan dan ketamadunan bangsa pada zaman silam yang boleh dipelajari dan dimanfaatkan sehingga ke hari ini. Banyak

teladan dan iktibar daripada teks tersebut yang boleh dijadikan landasan untuk kebaikan diri, bangsa, dan negara.

Kesusasteraan Melayu juga dapat membentuk keterampilan diri pembaca iaitu dengan memiliki pengetahuan, kelayakan, dan kemahiran dalam menjalankan sesuatu tugas, berkebolehan melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna, berpandangan jauh dan berinisiatif. Pada masa yang sama, penerapan nilai-nilai murni dalam teks kesusasteraan dapat melahirkan pembaca yang berakhlak mulia, iaitu yang mempunyai pengetahuan dan keyakinan terhadap nilai murni, mempunyai kesedaran terhadap kesan daripada perbuatan baik dan buruk, mengamalkan perlakuan yang baik, menghayati nilai-nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan, dan kewarganegaraan.

Begitu juga dalam memupuk rasa bertanggungjawab dalam kalangan individu. Mereka diajar untuk menyedari bahawa setiap tugas dan tanggungjawab merupakan amanah dan dilaksanakan dengan sempurna, menjalankan tugas dengan amanah, bersih dan cekap, sentiasa berusaha untuk meningkatkan daya pengeluaran, memahami peraturan, dan undang-undang negara serta berusaha memajukan diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa, dan negara.

Seterusnya adalah untuk melahirkan individu yang berupaya mencapai kesejahteraan diri, iaitu dengan mempunyai fikiran yang waras, jiwa yang tenang dan badan yang sihat, mempunyai daya ketahanan diri yang kuat untuk



menghadapi cabaran hidup serta sentiasa dapat mewujudkan perhubungan yang baik dengan orang lain. Pemupukan nilai-nilai ini dilakukan melalui penghayatan terhadap watak dan perwatakan dalam karya serta cenderung ke arah memanfaatkan nilai-nilai tersebut. Dengan menampilkan watak *role model* tertentu, pembaca dibimbing supaya turut memiliki nilai-nilai tersebut.

Matlamat terakhir yang termaktub dalam sistem pendidikan negara adalah untuk membina insan yang berupaya memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara. Melalui contoh-contoh yang diberikan, secara tidak langsung pembangunan modal insan telah mengarah kepada pencapaian objektif FPN yang telah digariskan oleh dasar pendidikan negara. Sama ada secara tersurat atau tersirat, teks-teks kesusasteraan sentiasa memupuk perpaduan rakyat melalui kerjasama, toleransi, kekitaan dan hormat menghormati, berusaha memajukan ekonomi ke arah perkembangan bangsa dan negara, sentiasa berusaha mengekalkan kestabilan negara, sentiasa berusaha mematuhi dan mempertahankan peraturan dan perlembagaan, sanggup mempertahankan diri, agama, bangsa dan negara serta sentiasa mengamal dan menghayati prinsip-prinsip rukun negara.

Peranan sistem pendidikan bukan untuk mengadakan perubahan negara sahaja, tetapi juga mengesahkan pembangunan modal insan dalam negara. Maka, pendidikan kesusasteraan adalah sebahagian daripada landasan yang tepat, yang boleh dimanfaatkan untuk mencapai matlamat tersebut. Penekanan kurikulum





kesusasteraan itu sendiri adalah untuk melahirkan dan membina modal insan yang seimbang dan harmonis serta dilengkapi dengan ciri-ciri kualiti sebagai insan sudah tentu menjadikan matlamat sistem pendidikan negara lebih mudah untuk direalisasikan. Hal ini menunjukkan bahawa peranan sistem pendidikan bukan sahaja untuk melakukan perubahan atau pembangunan fizikal, tetapi adalah untuk membangunkan modal insan yang merupakan aset utama kepada negara. Hasrat tersebut sudah tentu boleh direalisasikan melalui pengajaran dan pembelajaran subjek kesusasteraan.

Maka, kajian ini dibuat untuk melihat peranan modal insan dalam sesebuah cerpen. Cerpen dalam konteks pendidikan dipandang sebagai alat, bahan, dan wahana atau kaedah untuk menyampaikan pengajaran. Unsur-unsur dalam cerpen mampu membina nilai emosi baharu dan pengalaman baharu.



Cerpen atau cerita pendek sememang sudah popular pada hari ini. Sekian lama cerpen memberikan sumbangan yang besar terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu. Cerpen Melayu terus berkembang dengan pesatnya kerana memancarkan sikap, perasaan, pandangan, dan fikiran pengarang Melayu yang dianggap penting sebagai hasil kesusasteraan yang memberikan gambaran tentang sesuatu zaman sama ada peristiwa-peristiwa yang berhubung dengan masalah sosial, politik, ekonomi, dan sebagainya (Safian Hussain et al. , 2006 : 406).



Perkembangan cerpen Melayu selepas Perang Dunia Kedua secara umum telah menggunakan pelbagai pendekatan. Tinjauan terhadap cerpen-cerpen Melayu dilakukan kerana menyedari bahawa genre cerpen merupakan satu bidang yang cukup popular dan berkembang pesat bersama-sama perkembangan surat khabar (Safian Hussain et al. , 2006 : 407).

1.1.1 Cerpen Sebelum Perang Dunia Kedua

Cerpen sebelum perang dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu cerpen-cerpen antara tahun 1920-an, 1930-an, dan 1940 hingga 1941. Pada waktu tersebut cerpen diterbitkan dalam 163 majalah dan akhbar. Salah satu faktor yang menggalakkan perkembangan cerpen ialah pertambahan bilangan orang yang terpelajar. Secara umumnya, penulis-penulis cerpen sebelum perang terdiri daripada golongan guru dan golongan wartawan.

Keseluruhan cerpen zaman awal bersifat stereotaip. Motif cerpen pada zaman awal lebih bertujuan memberi nasihat, didaktik atau teladan. Penulisan cerpen Melayu awal mempunyai persamaannya dengan penulisan novel. Hal ini menjelaskan bahawa cerpen Melayu turut mempunyai arah aliran perkembangan yang sama dengan penulisan novel.



Sungguhpun kebanyakan cerpen diciptakan secara sambilan sahaja, penulis-penulis cerpen berjaya mengungkapkan segala permasalahan yang dihadapi oleh anggota masyarakat melalui tema-tema tertentu dalam cerpen. Tema moral sering dikaitkan dengan masalah kekurangan didikan agama sehingga terpesona dengan kegiatan yang meruntuhkan nafsu.

Dapatlah dikatakan bahawa cerpen-cerpen sebelum perang mempunyai unsur-unsur lucu dan percintaan. Cerpen-cerpen ini juga dikatakan kurang nilai estetik kerana terlalu mementingkan unsur didaktik. Hal ini menyebabkan kebanyakan cerpen hampir menyerupai sebuah esei. Pewarnaan wataknya pula berdasarkan kepada watak hitam dan putih yang pada akhirnya watak putih selalu mendapat balasan baik dan watak hitam pula selalu mendapat balasan jahat.



1.1.2 Cerpen Pada Zaman Jepun

Cerpen Melayu pada Zaman Jepun di Tanah Melayu tidak begitu menggalakkan terutama dari segi jumlah. Hanya terdapat lebih kurang 25 buah cerpen yang dihasilkan pada masa itu. Cerpen ini hanya dimuatkan dalam akhbar dan majalah.

Pada zaman Jepun, penulis-penulisnya ialah Ishak Haji Muhammad, Nadzi Zainuddin, dan Abdullah Sidek dari Tanah Melayu serta Abdul Samad Ismail dari Singapura. Penulis yang prolifik ialah Ishak Haji Ismail dan Samad Ismail. Kedua-dua mereka ini merupakan wartawan akhbar. Salah satu karya Ishak Haji





Muhammad ialah “Anak Pipit Lidah Berkerat” dan karya A. Samad Ismail ialah “Ubi Kayu”.

Cerpen-cerpen ini mempunyai tema yang pelbagai. Antaranya ialah cinta dan perang, cinta dan dendam, seruan menjadi askar dan petani, kehidupan masyarakat orang Melayu, dan didaktif berunsur dongeng. Dari segi gaya, ada penulis yang menampakkan kemajuan seperti A. Samad Ismail, ada yang bertahan seperti Abdullah Sidek dan ada yang merosot seperti Ishak Haji Muhammad. Kebanyakan cerpen pada zaman ini berbau propaganda dengan tema utamanya perjuangan. Ada juga yang termasuk dalam sejarah, yang bersifat dokumentasi kebudayaan yang diharap-harap dapat perhatian yang wajar daripada masyarakat umum.



1.1.3 Cerpen Selepas Perang Dunia Kedua di Malaysia

Cerpen selepas Perang Dunia Kedua telah memasuki satu zaman yang baru, baik dari segi bentuk, isi mahupun gaya bahasanya. Pada zaman ini bentuk cerpen dipelopori oleh Abdul Rahim Kajai dan Ishak Haji Muhammad. Peperangan telah memberikan inspirasi kepada penulis-penulis cerpen. Mereka menulis cerpen yang berunsurkan politik. Namun, ada juga terselit kisah percintaan.

Cerpen pada waktu itu membawa unsur yang nadanya seperti radikal, tegas, dan bersifat nasionalis. Cerpen seperti ini selalu dihasilkan oleh penulis





veteran seperti A. Samad Said dan Keris Mas. Penulis-penulis baharu seperti Jimmy Asmara, Hamzah, dan Masuri SN menghasilkan karya cerpen yang berlegar kepada persoalan masalah sosial seperti pelacuran, pergaulan bebas, dan sebagainya. Dari segi tema, berlatarbelakangkan bumi nyata dan mempunyai kemampuan menyelam ke dasar kehidupan masyarakat. Penulis-penulis ini terlalu cenderung memancing simpati pembaca dengan mereka ceritanya dan bertindak dengan sikap subjektif.

Sejak tertubuhnya ASAS 50, perkembangan cerpen Melayu telah dapat diseragamkan. Penulis cerpen mendedahkan kepincangan masyarakat sama ada di kota atau di kampung. Antara penulis-penulis itu ialah A. Samad Said, Keris Mas, Hamzah, dan Usman Awang. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, perkembangan cerpen bertambah pesat kerana cerpen telah mendapat perhatian yang lebih menggalakkan dari masyarakat umum dan badan-badan penerbitan mula meluaskan kegiatan persuratkhabaran mereka.

Bagi memudahkan kefahaman, tahap perkembangan cerpen-cerpen Melayu dibahagikan kepada tahap-tahap perkembangan seperti berikut:

- (a) Perkembangan cerpen Melayu semasa zaman kependudukan Jepun.
- (b) Perkembangan cerpen Melayu selepas Perang Dunia Kedua:
 - (i) Perkembangan sebelum ASAS 50



- (ii) Zaman ASAS 50
- (iii) Perkembangan dalam tahun-tahun 1955- 1959
- (iv) Perkembangan dalam tahun-tahun 1960-an
- (v) Perkembangan dalam tahun-tahun 1970-an
- (vi) Perkembangan dalam tahun-tahun 1980-an hingga 1990-an

1.1.4 Unsur-Unsur Dalam Sebuah Cerpen

Dalam sesebuah cerpen, tema boleh disamakan dengan kerangka asas sesebuah bangunan. Mustahil sesebuah bangunan dapat didirikan tanpa kerangka asasnya. Dengan kata lain, tema merupakan sebuah idea pokok, atau pemikiran utama dalam sesebuah cerpen termasuklah pesanan atau amanat. Tema menjadi dasar utama dalam sesebuah cerpen kerana tanpa tema tertentu, sesebuah cerpen akan dianggap tidak menepati ciri-ciri cerpen yang baik. Mustahil sesebuah cerita tidak mempunyai idea pokok, iaitu pengetahuan yang hendak disampaikan oleh pengarang kepada pembacanya.

Pengetahuan itu biasanya merupakan masalah kehidupan, pandangan pengarang mengenai kehidupan atau pandangan hidup pengarang dalam menempuh kehidupan yang luas ini. Pengarang tidak dituntut menjelaskan temanya secara terus, tetapi dapat difahami dan dikenali pasti dengan hanya menyampaikan sebuah masalah kehidupan dan akhirnya terserlah kepada pembaca untuk menyingkapnya (<http://lulukeche.multiply.com/journal/>).



Secara konvensional, tema itu dapat dijelaskan dengan ayat-ayat sederhana, misalnya: 1. Kejahatan akhirnya akan dikalahkan oleh kebaikan. 2. Persahabatan sejati tetap setia dalam suka dan duka. 3. Cinta merupakan hayat kehidupan kerana cinta dikatakan dapat mengatasi segala masalah. Cerpen yang baik dan terkenal biasanya menyajikan pelbagai persoalan yang kompleks. Namun, tetap mempunyai pusat tema, iaitu pokok permasalahan yang mendominasi masalah lain dalam cerita itu.

Ciri cerpen yang lain ialah plot atau rangkaian peristiwa yang menggerakkan cerita untuk mencapai kesan tertentu. Banyak anggapan keliru mengenai plot. Ramai pembaca karya sastera menganggap plot merupakan jalan cerita. Dalam pengertian umum, plot adalah suatu permuafakatan atau rancangan rahsia untuk mencapai tujuan tertentu. Rancangan tentang tujuan itu bukanlah plot, tetapi semua aktiviti untuk mencapai perkara yang diinginkan itulah dianggap sebagai plot. Atau, secara lebih tepat plot adalah sebab akibat yang membuat cerita bergerak dengan irama atau gaya dalam menghadirkan idea dasar atau idea pokok. Semua peristiwa yang terjadi di dalam cerita pendek harus berdasarkan hukum sebab akibat, sehingga plot jelas tidak menjejaskan jalan cerita, tetapi menghubungkan semua peristiwa.

Watak juga merupakan ciri penting dalam sesebuah cerpen. Watak harus tampak hidup dan nyata hingga pembaca dapat merasakan kehadirannya. Dalam cerpen moden, berkesan atau tidaknya sesebuah cerpen bergantung kepada





penciptaan citra dan perwatakan pada watak tersebut. Watak yang di dalamnya ada perwatakan, sangat penting bagi sesebuah cerita dan boleh dikatakan sebagai punca kekuatan bagi sesebuah cerita pendek.

Pada dasarnya sifat watak ada dua jenis iaitu sifat lahir (rupa, bentuk) dan sifat batin (perwatakan, karektor). Dan sifat watak ini biasanya diungkapkan dengan pelbagai cara, antaranya melalui:

1. Tindakan, ucapan, dan fikirannya.
2. Tempat watak tersebut berada.
3. Benda-benda di sekitar watak.
4. Kesan watak lain terhadap dirinya.
5. Deskripsi langsung secara naratif oleh pengarang.



Waktu, ruang, dan suasana juga merupakan ciri penting dalam sesebuah cerpen. Pada dasarnya, latar diciptakan untuk menggarap tema dan plot cerita, kerana latar harus bersatu dengan tema dan plot untuk menghasilkan cerita pendek yang padat dan berkualiti. Jika latar boleh dipindahkan ke mana-mana sahaja, bererti latar tidak bersatu dengan tema dan plot.

Antara elemen yang tidak boleh ditinggalkan dalam membangunkan cerpen ialah sudut pandangan watak yang dicipta oleh pengarang. Sudut pandangan watak ini merupakan visi pengarang yang dijelmakan ke dalam pandangan watak-wataknya. Jadi, sudut pandangan ini sangat berkait rapat





dengan teknik bercerita. Sudut pandangan ini ada beberapa jenis, tetapi yang umum adalah:

1. Sudut pandangan orang pertama. Lazim disebut *point of view* orang pertama. Pengarang menggunakan sudut pandang “aku” atau “saya”. Di sini yang harus diperhatikan adalah pengarang harus neutral dengan “aku” dan “saya”.
2. Sudut pandang orang ketiga, biasanya pengarang menggunakan watak “ia”, atau “dia”. Atau boleh juga dengan menyebut nama wataknya, misalnya: “Aishah”, “Fahrin”, dan “Nurul”.
3. Sudut pandangan campuran. Di sini, pengarang mencampurkan pendapat pengarang dan watak-wataknya. Seluruh kejadian dan pergerakan watak diberikan pelbagai tafsiran, sehingga pembaca mendapat gambaran mengenai watak dan kejadian yang diceritakan.

Kajian terhadap cerpen sebenarnya ingin mewujudkan kenikmatan membaca sesebuah teks cerpen. Ertinya cerpen ditulis untuk dihayati dan bukan sekadar dibaca tanpa tujuan kerana cerpen mengandungi pelbagai mesej dan nilai yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Kajian ini adalah merupakan kajian berdasarkan teks. Cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah terutamanya pada watak-watak ciptaannya akan dilihat dari aspek pembentukan peribadi yang digarap oleh pengarang agar dapat dinikmati, dihayati, dan seterusnya untuk





melihat kemampuannya menyumbang kepada pengukuhan nilai akhlak dan moral, nilai budaya dan sosial, dan nilai kemanusiaan dan kepimpinan kepada pembaca dan masyarakat secara keseluruhan.

Pembacaan, pemahaman, dan penghayatan terhadap sesebuah karya sastra seperti cerpen akan dapat mengukuhkan dan meninggikan tahap penguasaan serta keterampilan berbahasa dari segi lisan, tulisan, dan bacaan. Menurut Kamaruddin Haji Husin (1988), karya sastra juga dapat mempertingkat keyakinan diri para pelajar dan remaja untuk berkomunikasi antara satu sama lain sehingga mencapai penggunaannya sebagai bahasa perpaduan, bahasa ilmu pengetahuan, dan bahasa cerminan keluhuran akal budi insan.



Karya sastra seperti cerpen sebenarnya penuh dengan segala persoalan hidup manusia dan pergolakan masyarakat, diolah dan diwarnai dengan unsur-unsur estetik, kemudian disajikan kepada pembaca untuk meneroka segala persoalan yang mencorakkan sesebuah cerpen. Secara tidak langsung, akan dapat menyuburkan jiwa dan minda pelajar dan remaja bagi melahirkan fikiran dan perasaan terhadap ilmu pengetahuan, kemasyarakatan, diri, negara, dan agama sama ada dalam konteks rasmi, tidak rasmi atau kreatif.

Menurut Shahnnon Ahmad (1981), peranan seni sastra ialah membina akhlak manusia yang baik mengikut Islam supaya manusia memainkan peranannya sebagai hamba Allah dan pemimpin mengikut potensi dan





keupayaannya untuk membina peradaban manusia yang hak. Oleh sebab itu, sastera yang berakhlak dan bermoral akan dapat meningkatkan kehidupan manusia ke arah kesempurnaan dan pada waktu yang sama dapat memainkan peranan sebagai penentang kebatilan.

Berdasarkan kepada hakikat pentingnya karya sastera khususnya cerpen dalam pendidikan keseluruhannya, maka kajian ini cuba melihat pendidikan nilai moral dan akhlak, pendidikan nilai budaya dan sosial dan pendidikan nilai kemanusiaan dan kepimpinan serta kesannya terhadap pembentukan peribadi insan, yang terkandung dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah.

1.2 Latar Belakang Kajian



Sebenarnya telah terdapat banyak kajian tentang pembangunan modal insan dalam sistem pendidikan Malaysia. Telah menjadi dasar kerajaan membangunkan modal insan dengan tujuan menyemaikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai murni. Selain itu, matlamat kerajaan terutamanya Kementerian Pelajaran adalah untuk menyemaikan semangat menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran, penerapan nilai, moral, dan sikap yang positif serta membina disiplin yang tinggi dalam kalangan pelajar.

Modal insan perlu diterapkan dengan nilai-nilai murni agar dapat diserap oleh pelajar kerana pelajar dan remaja ini bakal menjadi peneraju negara suatu





hari nanti. Tambahan pula, dalam era globalisasi yang menuntut agar pelajar dan remaja mempunyai kekuatan fizikal dan mental agar mereka dapat mengharungi segala cabaran dan rintangan pada masa hadapan. Hal ini penting kerana jika mereka tidak melengkapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan, tidak mustahil mereka ini akan terlibat dengan gejala yang negatif dan kes-kes jenayah.

Salah satu penerapan modal insan ialah membentuk akhlak yang mulia. Lantaran itu, pengkaji berminat untuk mengkaji peranan modal insan dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah terutamanya pada watak-watak ciptaan beliau. Pasti, cerpen-cerpen Azizi Haji Abdullah bukanlah picisan kerana di dalamnya terdapat pelbagai nilai untuk digali dan diteroka.



Ramai sedia maklum bahawa kesusasteraan Melayu bukan sahaja tertakluk kepada satu genre. Secara amnya, ramai yang mengenali pantun, seloka, gurindam, nazam, dan lain-lain sebagai satu genre yang memiliki kata-kata yang indah. Keindahan kata-kata atau bahasanya mampu memikat pendengar untuk menghayati genre ini dengan berkesan. Jadi, genre ini menjadi perintis kepada perkembangan genre kesusasteraan yang lain. Kesusasteraan Melayu berkembang dari tradisi lisan dengan kisah-kisah rakyat seperti kisah-kisah jenaka, asal-usul, dongeng, dan kisah-kisah binatang. Termasuk juga cerita-cerita istana seperti mitos, legenda, panji, dan penglipur lara. Maka, sebagai kesan daripada perkembangan kesusasteraan lisan, terhasillah sastera tulisan dan genre ini terus berkembang sehingga kini. Kesannya, muncul pelbagai genre kesusasteraan yang





memberikan kepelbagaian pilihan dalam kesusasteraan Melayu misalnya cerpen dan novel.

Pengkaji ingin melihat sama ada cerpen-cerpen Azizi Haji Abdullah dapat membentuk peribadi mulia masyarakat terutamanya watak-watak yang terdapat dalam cerpen-cerpennya. Kajian-kajian terdahulu dilihat agak kurang menggunakan medium cerpen sebagai usaha menyemaikan modal insan dalam kalangan pelajar dan remaja. Pengkaji-pengkaji terdahulu lebih menumpukan kepada novel sebagai alat untuk menjana modal insan kepada masyarakat.

1.2.1 Modal Insan



Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang berteraskan jati diri yang mantap, kukuh, berketerampilan, berperibadi mulia, berpengetahuan luas, dan berkemahiran tinggi bagi merealisasikan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Modal insan yang ingin dilahirkan bersesuaian dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi asas kepada corak pendidikan negara. Hal ini demikian kerana aset yang paling berharga bagi sesebuah negara ialah warganya. Jadi, tugas untuk menyediakan tenaga muda yakni generasi muda Malaysia terletak pada bahu KPM. Generasi muda ini perlu dilengkapi dengan peluang seluas-luasnya untuk memperkembang potensi diri, melengkapi diri dengan pelbagai kemahiran, dan membentuk ciri-ciri keperibadian mulia yang membolehkan





mereka berjaya dalam kehidupan dan mampu memajukan negara agar terus gah di persada dunia.

Definisi modal insan dalam Islam sangat berbeza daripada Barat yang asasnya ialah fahaman kapitalis. Islam mengenal pasti pembangunan sumber manusia sebagai elemen terpenting dalam modal insan kerana sumber yang utama ialah individu. Modal insan tidak seharusnya dilihat dari sudut latihan, kemahiran, kepakaran, profesional, kelebihan maklumat, dan sebagainya malah harus mempunyai ciri-ciri pembangunan ke atas insan yang menerapkan sifat-sifat amanah, jujur, berakhlak mulia, progresif, cergas, dan bertamadun.

Hasil terakhir yang cemerlang menjadi tonggak utama pembangunan modal insan dalam Islam kerana Islam telah menyediakan satu sistem hidup yang lengkap dari mula lahir hinggalah ke akhir hayat. Konsep pembangunan sumber manusia dalam Islam adalah proses menyeluruh untuk membentuk insan yang berguna. Modal insan yang diketengahkan oleh Islam bukan hanya melahirkan individu yang pakar, mahir ataupun profesional dalam bidang masing-masing, tetapi penuh dengan nilai-nilai positif seperti amanah, jujur, dan sebagainya. Pembentukan nilai-nilai ini tidak sekadar memenuhi kehendak organisasi malah untuk masyarakat dan negara.

Bagi definisi Barat, pembangunan modal insan didefinisikan sebagai suatu cara untuk mengenal dan mengkategorikan kemahiran dan kebolehan seseorang





dalam pengambilan pekerja dan dalam hal lain, mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Menurut perspektif mereka, mereka begitu memberi fokus kepada pembangunan sumber manusia dari sudut pengetahuan dan kemahiran tertentu yang dapat memberi pulangan kepada ekonomi sesebuah organisasi atau masyarakat.

...

Sebaliknya, pada perspektif Islam, modal insan dilihat tidak sekadar mementingkan aspek pembangunan intelektual dan emosi, bahkan melibatkan pembangunan spiritual. Islam melihat modal insan sebagai suatu konsep yang amat luas dan lebih terperinci tanpa terdapat lompang-lompang yang tidak diuraikan. Definisi yang komprehensif ini dapat menjelaskan betapa pentingnya sumber ini kepada sesebuah negara khususnya umat Islam.



Persoalan modal insan dalam konteks pembudayaan ilmu dapat dikesan dalam Falsafah Pendidikan di Malaysia iaitu suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.



Modal insan ataupun sumber manusia (*human resource*) yang menjadi pemacu kepada kemajuan dan pembangunan sesebuah tamadun yang wujud di dunia perlu dititikberatkan dalam kaca mata pembudayaan ilmu. Perkara ini begitu penting terutamanya apabila disentuh siapakah pewaris khazanah dan amanah negara? Sudah pasti akan terbayang di mata bahawa pewaris terbaik yang paling hampir untuk menerajui negara ialah golongan remaja di seluruh negara. Golongan ini perlu diasuh dan diberi latihan secukupnya bagi memantapkan elemen-elemen sumber manusia.

Sekiranya pembentukan ini terbantut, sudah pasti harapan menggunung terhadap mereka akan turut hancur. Mereka perlu diberi kefahaman yang jelas berkaitan ilmu dan maklumat. Manusia yang berkualiti ialah mereka yang memiliki ilmu dan nilai ilmu yang berkualiti. Ilmu dapat memandu mereka berfikir dan bertindak. Tiada ilmu, maka tiadalah ketamadunan yang didambakan selama ini. Mereka sudah pasti tidak akan dapat mengubah kualiti hidup mereka kepada yang lebih baik.

Manusia dilihat sebagai 'modal' yang dinamakan 'modal insan' dan merupakan 'aset tenaga' yang sungguh penting dan bermakna kepada kegiatan ekonomi, pembangunan negara, mahupun kemajuan bangsa dan ummah. Modal ini perlu digilap, dibangunkan, dan diuji bagi menentukan kemampuannya sebelum dimanfaatkan. Pembangunan sumber manusia atau modal insan merupakan agenda yang diberi penekanan penting dalam ajaran Islam. Dalam



konteks lebih luas, modal insan mencorak hala tuju negara ke arah wawasan yang disasarkan. Tanpa sumber manusia berkualiti, sesebuah negara akan lemah kerana manusialah yang menjadi pencetus kepada inisiatif dalam kegiatan sosio ekonomi.

1.2.2 Azizi Haji Abdullah

Azizi Haji Abdullah dilahirkan di Kampung Bukit Meryam, Kota Kuala Muda, Kedah Darulaman, pada 4 April 1942. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit Meryam dan Sekolah Melayu Kota Kuala Muda, Kedah sehingga darjah enam. Azizi mula menulis ketika di sekolah agama, kira-kira dalam tahun 1963 apabila artikel pertamanya tersiar dalam Warta Negara, Pulau Pinang berkenaan buruk baik wanita bermain bola sepak.



Azizi mula bertugas sebagai guru agama di Sekolah Kebangsaan Sungai Taka, Serdang, Kedah dalam tahun 1965. Bakat penulisan Azizi dapat dilihat melalui penulisan cerpen di akhbar-akhbar, terutama akhbar terbitan Utusan Melayu. Dalam sayembara dan hadiah sastra, Azizi tidak pernah ketinggalan mendapat hadiah, sehingga beliau dianggap sebagai penulis sayembara. Azizi pernah menerima Hadiah Sastera dalam genre cerpen lima tahun berturut-turut (1971-1975). Dalam sayembara cerpen anjuran Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Esso-Gapena, Yayasan Sabah-Gapena, Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank dan badan-badan lain, beliau sering mendapat tempat. Pada tahun





1976, beliau dianugerahkan bintang Ahli Mangku Negara (AMN) dan pada tahun 1988 menerima SEA Write Award di Bangkok.

Pada tahun 90-an, Azizi pernah meraih Screen Play Radio Terbaik dalam Anugerah Sri Angkasa. Mendapat hadiah sayembara penulisan skrip drama TV. Sejak tahun 60-an hingga kini, Azizi menulis dalam semua genre, seperti puisi, artikel, cerpen, novel, drama radio, dan drama TV. Hampir 200 cerpen, 30 novel dan beberapa antologi cerpen telah dihasilkan. Azizi telah menggunakan beberapa nama selain nama sebenar, seperti Jamong, Qalam Adly, Anita, Shahrul Manjarishah, Tan Sri Sasterawan, Sri Bungsu, Tukya, dan lain-lain.

Azizi telah bersara daripada guru agama pada tahun 1997 dan kini menjadi Ketua Editor akhbar *Utusan Pengguna* (CAP) Pulau Pinang dan penulis kolumn majalah. Tugas beliau ialah membuat kajian dan penyelidikan sosial luar bandar, kemiskinan.

Azizi merupakan penulis berlatarbelakangkan pendidikan agama yang sangat prolifik sehingga kini. Kegiatan penulisannya bermula sejak tahun 1960-an lagi dan Azizi memperlihatkan kesungguhan serta keazamannya dalam bidang yang diceburinya. Bakatnya begitu terserlah kerana pada peringkat awal penulisannya, Azizi banyak menyentuh masalah-masalah sosial. Namun, Azizi merupakan penulis awal yang berminat menyelongkar hal-hal yang berhubung dengan keagamaan (Safian Hussain et al. , 2006 : 461).





1.3 Pernyataan Masalah

Cerpen sering kali dilihat sebagai salah satu genre kesusasteraan yang tidak banyak menyumbangkan ilmu kepada pembaca khususnya dalam kalangan pelajar dan remaja. Pembaca cerpen tidak dapat menyingkap ilmu yang cuba diterapkan oleh penulis. Pelajar dan remaja kerap menganggap cerpen sebagai bahan bacaan yang penuh dengan khayalan.

Cerpen merupakan satu kesepaduan ilmu pengetahuan yang boleh menolong memahami keadaan pengalaman yang menyatukan aspek falsafah; iaitu pemikiran yang terkandung dalam karya, aspek sosiologi; iaitu aktiviti- aktiviti sosial yang melibatkan manusia dengan manusia yang memungkinkan perlunya sifat kepimpinan dalam diri manusia untuk mentadbir masyarakatnya, aspek psikolinguistik; iaitu pembentukan konsep dan bahasa, dan aspek psikologi sosial; iaitu perkaitan aktiviti manusia seharian dan persekitarannya. Aspek- aspek ini sebenarnya merupakan nilai pendidikan yang berharga yang terkandung dalam sesebuah karya sastera seperti cerpen.

Dewasa ini, remaja-remaja Malaysia kurang meminati karya-karya sastera. Jika di sekolah, KOMSAS menjadi salah satu cara untuk mendekatkan diri remaja kepada kesusasteraan. Namun, usaha itu tidak mendatangkan hasil seperti yang





diharapkan. Sikap remaja yang memandang remeh bahan-bahan sastra amat menyakitkan hati. Remaja tidak mengambil iktibar kesan-kesan positif terhadap perkembangan emosi, rohani, dan intelek mereka. Remaja menganggap membaca karya sastra membuang masa mereka dan memerlukan daya pemikiran yang tinggi untuk menghayati dan mentafsir kandungan karya tersebut. Selain itu, mereka juga menyatakan karya sastra seperti cerpen tidak bersifat ilmiah dan penuh dengan imaginasi serta tidak mengandungi mesej.

Sebenarnya, membaca karya sastra secara tidak langsung telah membuka minda pelajar atau remaja untuk menyelami isi kandungan sesebuah teks sastra. Pelajar dan remaja dilatih agar lebih peka, imaginatif, dan kreatif untuk mentafsir kandungan karya sastra serta menghayati nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya. Hal inilah yang ditekankan dalam modal insan. Namun, pelajar dan remaja tetap tidak memahami dan menghayati apa-apa yang dibaca oleh mereka. Jauh sekali untuk mempraktikkan amalan mulia yang terkandung dalam sesebuah karya sastra. Masalah disiplin semakin meruncing dalam kalangan pelajar dan remaja dan menimbulkan kebimbangan ibu bapa, guru, dan pihak kerajaan kerana mereka inilah yang akan mentadbir negara suatu hari nanti. Jadi, modal insan amatlah penting untuk disemai dalam diri pelajar dan remaja.

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti peranan modal insan kepada pembentukan peribadi insan yang terkandung dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah terutamanya terhadap watak-watak ciptaan beliau. Kajian ini



mencuba melihat apakah aspek- aspek pendidikan seperti pendidikan nilai moral dan akhlak, pendidikan nilai sosial dan budaya, dan pendidikan nilai kepimpinan dan kemanusiaan terkandung dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah dapat membentuk peribadi pembacanya.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menyatakan secara jelas dan rasional adakah pendidikan nilai moral dan akhlak, pendidikan nilai budaya dan sosial, dan pendidikan nilai kemanusiaan dan kepimpinan terkandung pada watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah dapat membentuk jati diri pembacanya.

Walaupun banyak kajian tentang aspek pendidikan yang terkandung dalam sesebuah karya sastera seperti cerpen, namun pengkaji belum menemui suatu kajian tentang peranan modal insan terutamanya dari aspek pendidikan nilai moral dan akhlak, pendidikan nilai budaya dan sosial, dan pendidikan nilai kemanusiaan dan kepimpinan serta kesannya kepada pembinaan sifat peribadi insan kepada pembacanya. Oleh sebab itu, pengkaji ingin mencari jawapan kepada persoalan-persoalan yang berikut:

- 1.4.1 Adakah aspek pembentukan peribadi insan, iaitu nilai akhlak dan moral, nilai budaya dan sosial serta nilai kemanusiaan dan

kepimpinan terdapat pada watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?

1.4.2 Adakah terdapat hubungan antara komponen pembentukan peribadi insan, iaitu nilai akhlak dan moral dengan watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?

1.4.3 Adakah terdapat hubungan antara komponen pembentukan peribadi insan, iaitu nilai budaya dan sosial dengan watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?

1.4.4 Adakah terdapat hubungan antara komponen pembentukan peribadi insan, iaitu nilai kemanusiaan dan kepimpinan dengan watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pendidikan nilai moral dan akhlak, pendidikan nilai sosial dan budaya, dan pendidikan nilai kepimpinan dan kemanusiaan serta kesannya kepada pembentukan peribadi insan yang terkandung dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah. Diharapkan kajian ini dapat:



- a. Memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang nilai moral dan akhlak yang terkandung dalam cerpen khususnya cerpen-cerpen Azizi Haji Abdullah.
- b. Melihat perkaitan kepentingan pendidikan nilai sosial dan budaya dalam cerpen-cerpen Azizi Haji Abdullah dengan masyarakat.
- c. Mewujudkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan nilai kepimpinan dan kemanusiaan dalam masyarakat.
- d. Meninggalkan kesan nilai kepada pembentukan peribadi insan khususnya anggota masyarakat, remaja, dan pelajar amnya.

1.6 Objektif



Objektif kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Kajian ini lebih menumpukan kepada nilai akhlak dan moral, nilai budaya dan sosial serta nilai kemanusiaan dan kepimpinan terhadap watak-watak dalam cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada kajian terhadap cerpen-cerpen pilihan Azizi Haji Abdullah dalam antologi *Pendoa yang Ikhlas*. Skop kajian ini lebih berfokus kepada aspek pembentukan peribadi insan dalam melahirkan insan seimbang seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara. Aspek pembentukan





peribadi insan ini dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu pendidikan nilai moral dan akhlak, pendidikan nilai budaya dan sosial, dan pendidikan nilai kemanusiaan dan kepimpinan.

1.7.1 Teks Cerpen

Cerpen merupakan ringkasan dari perkataan cerita pendek. Cerpen merujuk kepada karangan rekaan (fiksiyen) yang mempunyai jumlah perkataan yang terhad dari 200 - 7,500 patah perkataan. Cerpen biasanya lebih ringkas dan padat berbanding cereka yang lebih panjang, seperti novella (dari segi erti moden) dan novel.



Cerpen yang pertama di Malaysia, secara rasmi ialah “Kecelakaan Pemalas” tulisan Nor bin Ibrahim Al-Madrasi dalam majalah *Pengasoh* 4 Februari 1920. Cerpen berasal daripada cerita lucu berprosa, keadaan yang dilakar dengan pantas dan dengan cepat sampai kemuncaknya, selari dengan tradisi penceritaan lisan.

Cerpen sebagai satu genre kesusasteraan yang padat dan ringkas menuntut pengarang agar menjadi lebih berdisiplin dan bersikap ekonomi dalam penggunaan bahasa. Hal ini amat berbeza dengan genre novel yang bukan sahaja menawarkan keselesaan untuk berkarya, malah memungkinkan pengarang





meneroka kehidupan manusia dengan lebih mendalam dan luas dengan pelbagai aliran pengucapan seni (Othman Puteh, 1997 : 18).

Cerpen tergolong dalam kategori karya sastera kreatif-imaginatif, genre cereka atau prosa naratif. Jika diperhatikan secara mendalam, cerpen mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan mendapat wadah yang wajar, terutamanya dalam bentuk majalah, surat khabar, dan buku. Maka, tidak mustahil jika cerpen dikatakan genre prosa baharu yang paling diminati, disenangi, dan dihayati. Oleh sebab itu, cerpen bukan lagi bahan bacaan ringan, malah menjadi genre yang popular dan memiliki nilai sastera yang tinggi (Othman Puteh, 1999 : 32).

Pengarang merupakan insan yang memiliki keupayaan yang kreatif yang cergas dalam melahirkan pemikiran, ilham, dan emosi. Pernyataan ini amat bersesuaian dengan pendapat Danzinger dan Johnsan yang menyatakan bahawa pengarang merupakan manusia genius yang berupaya menangkap dan merakamkan kebenaran tentang manusia yang tidak dapat dilakukan oleh manusia biasa (Othman Puteh, 1999 : 35). Maka, untuk menjadi seorang pengarang, seseorang perlu peka terhadap persekitarannya dan apa-apa sahaja yang bergolak di alam ini terutamanya terhadap pelbagai persoalan hidup yang rumit.





1.7.2 Pendidikan

Mak Soon Sang (1996), menyatakan pendidikan ialah suatu proses atau aktiviti yang berusaha untuk memperkembang fizikal, intelek, sosial, dan emosi seseorang individu serta menambahkan kemahiran, kebolehan, pengetahuan, dan pengalaman mereka supaya dapat memberi kegembiraan, faedah, dan kemajuan dalam kehidupannya, membantu dan mendorongnya bertindak dengan cara yang sihat bagi faedah diri serta masyarakat, bangsa, dan negaranya.

Manakala pendidikan dalam konteks Falsafah Pendidikan Negara ialah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembang lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Berdasarkan huraian di atas dalam konteks kajian ini, nilai pendidikan ialah pendidikan nilai akhlak dan moral, nilai budaya dan sosial, serta nilai kemanusiaan dan kepimpinan yang terkandung dalam teks cerpen yang dijadikan bahan kajian yang boleh mencetuskan pemikiran baru bagi pembacanya dan boleh membentuk peribadi insan yang seimbang sebagai panduan hidup.





1.7.3 Nilai Akhlak dan Moral

Hamzah Ismail (1996), nilai akhlak dan moral sebenarnya berkait rapat. Nilai akhlak dan moral adalah tentang akhlak yang dilihat sebagai maruah dan nilai ini menjadi identiti sesuatu bangsa. Nilai akhlak dan moral dinilai sebagai naluri baik dan buruk manusia yang perlu dikawal dengan pemikiran yang berlandaskan pedoman dari Khaliqnya. Nilai akhlak dan moral yang baik berteraskan ajaran agama adalah untuk mengimbangi atau membendung naluri jahat seperti sifat tidak jujur, mementingkan diri, kejam, dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, nilai akhlak dan moral ialah satu nilai sejagat yang murni dan positif yang dapat memupuk akhlak mulia dan terpuji yang dapat membentuk peribadi insan.



1.7.4 Nilai Budaya dan Sosial

Rahim Syam (1985) menyatakan, nilai budaya dan nilai sosial ialah nilai yang diterima dalam sesuatu masyarakat. Atan Long (1982), pula menyatakan masyarakat terdiri daripada sekelompok individu yang saling bertindak semenjak beberapa lama dengan mempunyai kebudayaan yang merupakan keseluruhan cara hidup meliputi kepercayaan, agama, sikap, pandangan hidup, nilai, dan ilmu pengetahuan yang telah diwarisi sejak turun-temurun sehingga mempunyai sifat yang tersendiri. Nilai budaya pula ialah nilai yang berkait rapat dengan nilai-nilai seperti cara hidup seperti cara berpakaian, makanan, persekitaran tempat tinggal, kepimpinan, adat resam, cara bermasyarakat, dan sebagainya. Justeru, nilai



budaya dan masyarakat bolehlah disimpulkan sebagai satu nilai yang telah diterima dan menjadi pegangan dalam sesuatu masyarakat yang menjadi tunjang kehidupan seperti adat resam, adat bermasyarakat, kepimpinan, kesenian yang kaya dengan nilai kerjasama, gotong-royong, intelektual, kepimpinan, ketaatan, dan sebagainya. Konsep inilah yang menjadi asas kepada kajian ini.

1.7.5 Nilai Kemanusiaan dan Kepimpinan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2004), kemanusiaan ialah perihal sifat seorang manusia manakala kepimpinan ialah keupayaan memimpin. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001), kemanusiaan meliputi aspek akhlak, moral agama, dan etika yang menjadi teras kepada pembinaan individu dan masyarakat. Menurut Mohd. Affandi Hassan (1989), dalam Islam, kepimpinan menekankan kepada kesanggupan pemimpin memimpin diri sendiri untuk melaksanakan tanggungjawabnya terhadap hak- hak manusia seperti hak untuk hidup, hak untuk mencari rezeki yang halal dan memiliki harta benda, hak mendapat kebebasan beragama, hak kebebasan beragama, hak kebebasan berfikir, dan hak mempertahankan maruah. Pemimpin mestilah cekap, adil, cemerlang, berusaha mewujudkan suasana harmoni, dan melahirkan organisasi yang beradab.

Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin (1993) menyatakan, sifat kepimpinan yang baik perlu memiliki ilmu pengetahuan yang luas agar dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan dan dihormati. Di samping itu,



pemimpin perlu memiliki sifat seorang manusia iaitu kasih sayang, hormat-menghormati, budi pekerti, sahsiah, dan akhlak yang baik. Pemimpin perlu menekankan soal penerapan nilai-nilai murni dalam pembentukan masyarakat yang berakhlak dan seterusnya mengamalkan nilai-nilai yang murni dan positif dalam kehidupan. Dalam konteks kajian ini, sifat kemanusiaan dan kepimpinan yang diberi tumpuan ialah pembinaan sahsiah atau akhlak, sifat kasih-sayang, akal budi, hormati-menghormati, dan nilai-nilai yang baik yang sesuai dengan kehidupan diri dan masyarakatnya agar dapat dijadikan panduan dan teladan sebagai satu sifat kemanusiaan dan kepimpinan yang harus ada dalam setiap diri.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini membincangkan pernyataan masalah kajian, objektif kajian, tujuan kajian, dan batasan kajian. Perbincangan utama dalam bab ini adalah mengutarakan persoalan adakah cerpen mampu dijadikan alat bagi membentuk peribadi insan? Manakala teks cerpen yang dipilih ialah cerpen terpilih oleh Azizi Haji Abdullah. Batasan kajian pula menjelaskan maksud frasa-frasa penting yang menjadi kunci kajian ini, iaitu seperti pendidikan, teks cerpen, nilai moral dan akhlak, nilai budaya dan sosial, dan nilai kemanusiaan dan kepimpinan.

